

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat di bawah berkaitan dengan kaedah pembayaran telefon bimbit bagi Ali.

Ali membayar RM2 500 secara tunai.

- (a) Huraikan dua fungsi wang yang terdapat dalam maklumat di atas. [6 markah]
- (b) Mengapakah Ali memilih kaedah pembayaran tersebut? [5 markah]
- (c) Pembelian telefon bimbit menggunakan kaedah alternatif wajar digalakkan. Bincangkan. [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan seorang pengusaha kecil pertanian.

Kegagalan mendapatkan bekalan buah strawberi yang segar semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendorong Puan Sharina memulakan penanaman pokok tersebut. Beliau menanam dua jenis strawberi iaitu 'Japanese Sweet' dan 'Korean Sweet'. Sehingga kini, beliau berjaya menjual lebih 500 pokok strawberi dan hasil tanamannya mampu mengeluarkan 50 hingga 100 biji seminggu. Buah strawberinya lebih manis dan tidak masam. Hasil jualan anak pokok dan buah strawberi, beliau mampu menjana pendapatan RM3 000 hingga RM5 000 sebulan. Harga strawberi yang dijual adalah lebih rendah berbanding di Cameron Highlands. Kini, Puan Sharina merupakan pembekal utama buah strawberi kepada pengusaha bakeri dan pasaraya sekitar Seremban.

Sumber diubah suai: Utusan Malaysia 9 Februari 2021

- (a)(i) Terangkan jenis pendapatan yang diterima Puan Sharina. [2 markah]
- (ii) Pendapatan Puan Sharina di 5(a)(i) boleh ditingkatkan pada masa hadapan. Beri alasan anda. [4 markah]
- (b) Buah strawberi tempatan yang segar pada harga berpatutan akan mempengaruhi pasaran buah strawberi import. Jelaskan. [5 markah]
- (c) Bagaimanakah tindakan yang diambil oleh Puan Sharina di 5(a)(ii) dapat menyumbang kepada ekonomi negara? [9 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan barang kawalan musim perayaan.

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengumumkan 32 jenis barangan bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021. Senarai barang yang diumumkan termasuk ayam, telur, daging, sayur-sayuran, kelapa, bawang import dan ubi kentang. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Sumber : BH Online, 1 Mei 2021

- (a) Jelaskan skim harga maksimum. [5 markah]
- (b) Mengapakah barang tersebut tersenarai dalam skim di atas? [6 markah]
- (c) Bagaimanakah pasaran barang di atas dapat distabilkan? [9 markah]

- 7 Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr).

Berikutan pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia dan global, maka sekolah dan institusi pengajian tinggi terpaksa dicutikan. Berlaku pengajaran dan pembelajaran di rumah. Ini menimbulkan masalah kepada isi rumah dalam menyediakan komputer riba atau tablet di samping tiada liputan internet. Langkah yang diambil oleh kerajaan ialah dengan memberi tablet percuma kepada mereka yang layak.

Harian Metro 2020/4

- (a) Jelaskan kepentingan peranti di atas. [5 markah]
- (b) Pemberian tablet akan mempengaruhi permintaan komputer riba. Jelaskan. [6 markah]
- (c) Penularan Covid-19 yang melanda dunia telah mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital di Malaysia. Beri komen anda. [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT